

04/11/2001

Deklarasi perangi keganasan jadi tumpuan

Lichong Angkui

BANDAR SERI BEGAWAN: Pegawai-pegawai Kanan (SOM) Asean semalam memperhalusi `Deklarasi Asean Untuk Memerangi Keganasan' yang akan dibincangkan oleh pemimpin dan ketua kerajaan Asean di sini, esok.

Draf deklarasi itu disediakan oleh Brunei selaku tuan rumah Sidang Kemuncak Asean ke-7 kali ini, dengan memuatkan intipati kertas konsep yang dikemukakan oleh Filipina serta mengambil kira pandangan semua negara anggota, terutama Malaysia.

Deklarasi itu dijangka dikeluarkan secara berasingan daripada Kenyataan Pengerusi oleh Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah, selaku tuan rumah pada hari terakhir persidangan, Selasa ini.

Pegawai Asean yang ditemui enggan menyatakan butiran terperinci mengenainya, tetapi difahamkan ia antara lain mendesak diadakan konvensyen antarabangsa khusus mengenainya.

Selain itu, ia dipercayai turut memperakukan cadangan supaya diadakan Persidangan Menteri-menteri Dalam Negeri Asean seawal tahun depan dengan fokus perbincangan tertumpu kepada isu jenayah antara sempadan, dengan tumpuan mengenai keganasan.

Kuala Lumpur disebutkan sebagai tempat mesyuarat itu diadakan.

Sambil merujuk secara khusus kepada serangan penganas ke atas Amerika Syarikat (AS) pada 11 September, pemimpin dan ketua-ketua negara Asean dijangka membincangkan isu serangan ketenteraan terhadap Afghanistan, tetapi tidak akan dimuatkan dalam deklarasi mereka.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan menulis surat kepada Presiden George Bush supaya menghentikan serangan ketenteraan ke atas Afghanistan yang sudah mengorbankan ramai orang awam tidak berdosa.

Selain itu, Malaysia sebelum ini turut mencadangkan supaya diadakan konvensyen antarabangsa mengenai keganasan di bawah penyeliaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Seorang pegawai Asean yang ditemui berkata rata-rata negara anggota sependapat dengan Malaysia mengenai pentingnya penganjuran konvensyen itu, tetapi mungkin ada perbezaan pendapat berhubung isu serangan ketenteraan ke atas Afghanistan.

Dua negara anggota - Singapura dan Filipina - dikatakan bersikap dingin terhadap isu berkenaan.

Turut dibincangkan pada SOM semalam ialah laporan Kajian Separuh Penggal Pelan Tindakan Hanoi (HPA). Pelan merangkumi tempoh enam tahun (1999-2004) itu disediakan pada Disember 1998 bagi menjayakan Wawasan Asean 2020 yang disepakati di Kuala Lumpur pada tahun sebelumnya.

Sementara itu cadangan supaya diwujudkan Kawasan Perdagangan Bebas (FTA) Asean-China dijangka menjadi tumpuan perbincangan dalam sidang Asean+1 dengan China pada Selasa ini.

Ia susulan kepada persetujuan menteri ekonomi Asean ke-33 di Hanoi pada 16 September lalu yang mahu perkara berkenaan diperhalusi selepas menimbang draf laporan yang dikemukakan oleh Kumpulan Pakar Asean-China.

Jika cadangan itu dipersetujui dan dimasukkan dalam Kenyataan Pengerusi di akhir persidangan kali ini, ia menjadikan FTA Asean-China sebagai yang terbesar di dunia merangkumi hampir dua bilion penduduk, iaitu 1.2 bilion di China dan 500 juta penduduk di 10 anggota Asean.

Perdana Menteri China, Zhu Rongji, dijangka tiba esok bagi menghadiri persidangan Asean+3 dan Asean+1 pada Selasa.

(END)